



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**GENOGRAM DAN PERANANNYA DALAM PEMILIHAN
KERJAYA REMAJA**

Siti Aliza Binti Ajis Tumi

Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
2008

HD
30.23
S623
2008

Lampiran B

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Gred: A-

JUDUL : GENOGRAM DAN PERANANNYA DALAM PEMILITAN
KEKJAYA REMAJA

SESI PENGAJIAN : 2007/2008


Saya SITI ALIZA BTG AJIS TUMI

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

- SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
NO 269, LOT 3111,
RAMPANG 1 PAHAT J,
JLN SULTAN TENGAH , KUCHING

Tarikh : 1/8/08

Tarikh: 1/8/08

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

GENOGRAM DAN PERANANNYA DALAM PEMILIHAN KERJAYA REMAJA

SITI ALIZA BINTI AJIS TUMI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling
(Kaunseling)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2008

Projek bertajuk [Genogram dan Peranannya Dalam Pemilihan Kerjaya Remaja] telah disediakan oleh [Siti Aliza Binti Ajis Tumi] dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling)

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Puan Salmah Mohamad Yusoff)

Tarikh:

1/8/08

Gred
A -

ABSTRAK

GENOGRAM DAN PERANANNYA DALAM PEMILIHAN KERJAYA REMAJA

Siti Aliza Bt Ajis Tumi

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan menggunakan pendekatan kajian kes. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada kerjaya yang dipilih oleh remaja pada masa kini diwarisi daripada kerjaya tiga generasi keluarga sebelum dengan mengaplikasikan kaedah genogram. Tiga responden telah dipilih secara bertujuan untuk membantu kajian ini. Kaedah temuduga separuh struktur dan pemerhatian digunakan untuk mengumpul maklumat data. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan analisis trankripsi, analisis induktif dan pengkodan. Data kemudiannya dibandingkan dengan kajian literatur yang sedia ada. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat pengaruh secara langsung antara kerjaya tiga generasi kaum keluarga dengan kerjaya yang dipilih oleh remaja pada masa kini. Selain itu, kaum keluarga terutamanya kedua ibu bapa merupakan faktor lain yang penting yang mempengaruhi pilihan kerjaya remaja. Faktor-faktor lain seperti peluang pekerjaan, maklumat berkaitan dengan kerjaya, aliran pembelajaran, sokongan dan hubungan dengan ahli keluarga, persitiwa yang signifikan dalam hidup dan nilai pekerjaan yang dipegang dalam sesbuah keluarga turut mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang remaja.

ABSTRACT

GENOGRAMS AND ITS ROLE IN TEENAGERS CAREER DECISION MAKING

Siti Aliza Bt Ajis Tumi

This study is qualitative in nature and it's based on case study approach. This study aims at discovering whether the career is inherited from the teenagers three family generation career in the direction of teenager career choices by applying genograms technique. Three respondents were purposely chosen. Semi-structured interview and observation techniques were used to collect the data. The data was analyzed by using transcript analysis, inductive analysis and coding techniques. The data was then compared to the present literature review. The result shows that the chosen career is not inherited from their three generational family career backgrounds. Interest is the most crucial factor influencing teenager career decision making. Besides that, the family especially parents are the most crucial factors contributing to their career choices. Other than that, work opportunity, occupational information, learning stream, family supports and relationship, significant events in life and work values are among factors contributing to teenager career choices.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	ii
Jadual Kandungan	iv
Senarai Lampiran	vii
Abstrak	viii
<i>Abstract</i>	ix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Kenyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.3.1 Objektif Umum	
1.3.2 Objektif Khusus	
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Definisi	7
1.6 Kesimpulan	8

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	9
2.1 Genogram	9
2.2 Genogram Kerjaya	11
2.2.1 Gambar Rajah	
2.2.2 Simbol-simbol dalam genogram	
2.2.3 Pembinaan genogram kerjaya	
2.3 Kajian-Kajian Lepas	13
2.4 Teori-Teori yang Berkaitan	17
2.4.1 Teori Ginzberg	
2.4.2 Teori Sistem Terapi Keluarga	

2.4.3 Teori Pelekatan	
2.4.4 Teori Sistem Keluarga Bowen	
2.5 Faktor-Faktor Lain Yang Mempengaruhi Pilihan Kerjaya	20
2.6 Kesimpulan	21

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	22
3.1 Reka Bentuk Kajian	22
3.2 Pensampelan	23
3.2.1 Lokasi Kajian	
3.2.2 Populasi	
3.2.3 Sampel	
3.3 Teknik Pengumpulan Data	24
3.4 Analisis Data	25
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	30
3.6 Kesimpulan	32

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan	33
4.1 Prosedur Kajian	33
4.2 Latar Belakang Subjek Kajian	34
4.3 Analisis Data	35
4.3.1 Kerjaya Yang Diwarisi Daripada Tiga Generasi Keluarga	
4.3.2 Penglibatan/ Pencapaian 3 Generasi Kaum Keluarga	
4.3.3 Minat Dan Kecenderungan	
4.3.4 Faktor-Faktor Lain Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya	
4.3.4.1 Peluang pekerjaan	
4.3.4.2 Pendedahan Maklumat Berkaitan Kerjaya	
4.3.4.3 Aliran Pembelajaran	
4.3.4 Sokongan Dan Galakan Ahli Keluarga	
4.3.5 Hubungan Dengan Ahli Keluarga Yang Membantu Pemilihan Kerjaya	

4.3.6 Nilai Pekerjaan yang diamalkan oleh ahli keluarga	
4.3.6.1 Nilai Keselamatan dalam Pemilihan Kerjaya	
4.3.6.2 Nilai Keuntungan	
4.3.7 Individu-individu yang signifikan dengan Responden	
4.3.8 Peristiwa/Perkara yang mendorong pemilihan kerjaya remaja	
4.3.8.1 Kedudukan Ekonomi Keluarga	
4.3.8.2 Halangan Daripada Ibu	
4.3.8.3 Kesukaran Memahami Dan Mempelajari Mata Pelajaran Sains	
4.4 Rumusan Dapatan Kajian	63
4.4.1 Responden 1	
4.4.2 Responden 2	
4.4.3 Responden 3	
4.5 Kesimpulan	68

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	70
5.1 Kesimpulan Kajian	70
5.2 Kepentingan Kajian	73
5.2.1 Kaunselor	
5.2.2 Subjek Kajian	
5.2.3 Pengkaji	
5.3 Limitasi Kajian	75
5.4 Cadangan	76
5.5 Kesimpulan	78

RUJUKAN	79
----------------	----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Borang Pemberitahuan Persetujuan

Lampiran B

Soalan Kajian

Lampiran C

Ringkasan Latar Belakang Responden

Lampiran D

Transkrip

Lampiran E

Genogram Kerjaya Responden

Lampiran F

Kategori Dalam Analisis Data

PENGHARGAAN

Alhamdullillah dan syukur ke hadrat **ALLAH S.W.T** kerana dengan pertolongan dan rahmat dari-NYA maka, mampu juga saya menyiapkan projek tahun akhir saya ini dengan baik. Segala pahit maung yang dihadapi dalam usaha menyiapkan projek tahun akhir ini adalah tidak sia-sia kerana banyak perkara yang saya pelajari sepanjang saya menyiapkan projek tahun akhir ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya, Pn Salmah Mohamad Yusoff kerana sokongan dan kepercayaan yang beliau berikan terhadap saya sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tolak ansur serta sikap memahami beliau banyak memberi ruang kepada saya untuk memperbaiki kualiti kajian saya ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kaum keluarga saya iaitu ibu, kakak dan abang ipar saya kerana sentiasa berada di belakang saya semasa saya menempuh segala kesukaran dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Tanpa sokongan mereka maka, sukarlah bagi saya memberikan hasil yang terbaik dan dengan adanya mereka, saya menjadi lebih bersemangat untuk menyiapkan projek tahun akhir saya ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak terhingga saya juga kepada ketiga-tiga responden saya yang sanggup memberikan sepenuh kerjasama dalam membantu saya menyiapkan projek ini. Segala maklumat yang saya perolehi sangat membantu dan amat bermakna buat kajian saya.

Saya juga berharap agar kajian saya ini dapat membantu para pengkaji akan datang dan kaunselor dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mengendalikan isu kerjaya bersama golongan remaja.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian yang dijalankan, kenyataan masalah, persoalan kajian, serta objektif kajian. Selain itu, bab ini juga membincangkan definisi kajian, kepentingan serta limitasi kajian yang akan dijalankan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan kerjaya bermula sejak individu itu berada di sekolah rendah, menengah, sekolah tinggi sehingga individu itu telah berada pada tahap persaraan (Chope, 2006). Perkembangan kerjaya merupakan suatu proses yang berterusan daripada satu peringkat kepada peringkat yang lain. Mengikut teori perkembangan kerjaya remaja Ginzberg, remaja akan melalui empat peringkat perkembangan kerjaya iaitu peringkat minat, peringkat keupayaan, peringkat nilai dan akhir sekali peringkat peralihan. Justeru minat kerjaya mereka juga akan berubah. Teori perkembangan kerjaya remaja Ginzberg dalam Sharf (2002) juga ada menyatakan bahawa pada peringkat peralihan iaitu semasa bahawa pada peringkat peralihan iaitu semasa berumur 17-18 tahun, remaja akan membuat pemilihan kerjaya yang sesuai dengan diri mereka.

Golongan remaja khususnya akan berhadapan dengan pelbagai pilihan kerjaya dan mereka memerlukan bimbingan serta panduan dari segala aspek.

Remaja terutamanya yang berada di sekolah menengah sering menghadapi masalah pemilihan kerjaya. Masalah-masalah yang sering dihadapi ialah tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tiada kepastian tentang kerjaya yang dipilih. Masalah-masalah ini berkait rapat dengan kurangnya kematangan kerjaya (Azizi Yahya, Mohamad Najib Ghaffar dan Noraizah Damiri, n.d). Pemilihan kerjaya yang tepat sangat penting kerana hal ini akan menentukan hala tuju hidup mereka. Dalam pemilihan kerjaya remaja perlu mempunyai maklumat yang mencukupi tentang kerjaya yang ingin diceburi. Hal ini boleh mengelakkan mereka daripada kekeliruan dalam pemilihan kerjaya.

Dalam proses pemilihan kerjaya, peranan kaum keluarga dalam membimbing golongan remaja untuk memilih kerjaya yang sesuai tidak kurang penting, terutamanya kedua ibu bapa. Menurut Mallot dan Magnuson (2004), hubungan ibu bapa dan anak-anak penting dalam perkembangan kerjaya seseorang anak. Hal ini kerana ibu bapa merupakan orang terdekat dengan diri mereka.

Kajian ini mengaplikasikan kaedah genogram dalam mengkaji pengaruh kaum keluarga dalam pemilihan kerjaya seseorang remaja. Kaedah genogram merupakan kaedah klinikal dalam kaunseling kerjaya dan penggunaannya dalam kaunseling kerjaya merupakan satu alternatif yang baik untuk membantu klien dalam membuat pemilihan kerjaya. Genogram berupaya untuk mengenal pasti kekuatan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam sesuatu bidang kerjaya. Penggunaannya terhadap remaja pula dalam membantu para remaja membuat pemilihan kerjaya adalah sangat berguna. Bidang kerjaya keluarga dapat dikenal pasti dan pengaruhnya terhadap pemilihan kerjaya seseorang remaja dapat dijelaskan dengan lebih mendalam dengan adanya kaedah genogram.

Penggunaan genogram perlu diketengahkan di samping adanya penggunaan ujian minat kerjaya dalam kaunseling kerjaya. Dengan itu, pendekatan yang digunakan dalam kaunseling kerjaya dapat dipelbagaikan dan sudah pasti akan memberikan manfaat kepada para remaja. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak faktor lain selain faktor keluarga yang membantu seseorang individu memilih sesuatu kerjaya, misalnya, faktor keluarga, persekitaran, personaliti, dan sebagainya (Sharf, 2002).

1.2 Kenyataan Masalah

Remaja perlu memilih sesuatu kerjaya yang sesuai dengan diri mereka. Kerjaya yang dipilih mungkin didorong oleh minat, serta kebolehan yang dimiliki untuk berjaya dalam bidang tersebut. Namun, dalam proses pemilihan kerjaya, mereka menghadapi pelbagai masalah kerana adanya minat yang pelbagai dalam bidang kerjaya yang berbeza serta tidak jelas dalam membuat pilihan kerjaya (Jabatan Penerangan Malaysia, 2007)

Ada dalam kalangan mereka yang memilih sesuatu bidang kerjaya yang sama, ataupun hampir sama dengan kerjaya ahli keluarga sama ada kerjaya ibu bapa, adik-beradik, nenek datuk ataupun saudara mara. Selain itu, ada juga dalam kalangan remaja yang memilih sesuatu bidang kerjaya yang sangat berbeza dengan bidang kerjaya yang diceburi oleh ahli keluarga mereka terutamanya dari segi status pekerjaan tersebut. Misalnya, remaja memilih bidang pekerjaan yang boleh mendatangkan pendapatan yang tinggi dan berstatus tinggi berbanding dengan bidang kerjaya ahli keluarga yang mungkin hanya terlibat dengan pekerjaan kelas bawahan.

Oleh yang demikian, kajian terhadap genogram kerjaya ini dijalankan untuk mengkaji sama ada kerjaya yang ingin diceburi oleh seseorang remaja itu merupakan suatu kerjaya yang diwarisi daripada tiga generasi keluarga sebelum atau tidak. Dalam pada masa yang sama kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sama ada minat dan kecenderungan adalah faktor utama yang mempengaruhi pemilihan kerjaya remaja dan bukannya disebabkan warisan kerjaya daripada kaum keluarga.

Tidak dinafikan bahawa kaum keluarga merupakan faktor pendorong yang penting dalam membantu seseorang individu membuat pemilihan bidang kerjaya sama ada secara langsung atau tidak langsung (Taylor, Harris dan Taylor, 2004). Seseorang remaja yang telah dibesarkan dengan nilai-nilai yang diamalkan dalam keluarga tersebut termasuklah nilai-nilai yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan akan mempengaruhi kerjaya yang disukai oleh seseorang remaja itu.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan kerana kajian tentang kerjaya dan penggunaan genogram di Malaysia masih terhad dan kebanyakan kajian-kajian ini dijalankan di negara-negara barat. Dapatkan kajian yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan oleh mereka mungkin tidak boleh diceduk terus dan diaplikasikan ke atas masyarakat Malaysia yang mempunyai norma-norma yang berlainan dengan masyarakat luar.

Oleh yang demikian, kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sama ada latar belakang kerjaya atau pekerjaan kaum keluarga membantu serta mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang individu. Sekaligus kajian ini akan membantu memperkaya kajian-kajian tentang kerjaya yang ada dan boleh dijadikan sebagai panduan kepada para kaunselor kelak. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat mengenal pasti faktor yang paling dominan dalam pemilihan kerjaya seseorang individu.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada dua, iaitu objektif umum dan objektif khusus. Kedua-kedua objektif ini menerangkan tujuan kajian dijalankan.

1.3.1 Objektif Umum

Untuk mengkaji sama ada penglibatan atau pemilihan kerjaya individu adalah berdasarkan pekerjaan/ bidang kerjaya yang diceburi oleh keluarga individu tersebut.

1.3.2 Objektif Khusus

1. Mengenal pasti sama ada kerjaya/pekerjaan yang dipilih oleh remaja itu diwarisi daripada kerjaya yang diceburi tiga generasi kaum keluarga sebelumnya.
2. Mengenal pasti sama ada pemilihan kerjaya dipengaruhi oleh pencapaian dan penglibatan ahli keluarga dalam kerjaya tersebut.
3. Mengenal pasti sama ada minat dan kecenderungan merupakan faktor utama mendorong seseorang remaja membuat pilihan kerjaya.
4. Mengenal pasti bentuk sokongan, galakan dan dorongan yang diberikan oleh kaum keluarga dalam membantu pemilihan kerjaya remaja.
5. Mengenal pasti sama ada hubungan antara remaja dan kaum keluarga mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka
6. Mengenal pasti nilai pekerjaan yang diamalkan oleh keluarga yang mempengaruhi pemilihan kerjaya remaja.
7. Mengenal pasti sama ada terdapat individu-individu lain yang mempengaruhi pemilihan kerjaya remaja selain kaum keluarga.
8. Mengenal pasti perkara atau peristiwa yang berlaku dalam hidup remaja yang mendorong mereka memilih kerjaya yang dipilih sekarang.

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji ingin mengkaji sama ada latar belakang kerjaya keluarga seseorang individu mempengaruhi individu itu memilih bidang kerjaya yang ingin diceburinya pada masa akan datang. Antara persoalan kajian yang berkaitan ialah:

1. Adakah bidang kerjaya yang ingin diceburi merupakan kerjaya yang diwarisi daripada tiga generasi kaum keluarga?
2. Adakah kerjaya yang dipilih berdasarkan pencapaian dan penglibatan ahli keluarga dalam kerjaya tersebut?
3. Adakah minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pemilihan kerjaya remaja selain pengaruh kaum keluarga.
4. Apakah bentuk sokongan dan galakan yang diberikan oleh kaum keluarga dalam membantu pemilihan kerjaya remaja.
5. Sejauhmanakah hubungan antara remaja dan kaum keluarga mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka?
6. Apakah nilai-nilai sesuatu pekerjaan yang diamalkan oleh kaum keluarga yang mempengaruhi pemilihan kerjaya remaja itu ?
7. Adakah individu-individu lain yang mempengaruhi pemilihan kerjaya remaja?
8. Apakah perkara atau peristiwa yang berlaku dalam hidup seseorang remaja mempengaruhi pemilihan kerjaya mereka kini?

1.5 Definisi

1.5.1 Kerjaya

Definisi Konseptual

Kerjaya didefinisikan sebagai sistem holistik yang melibatkan gaya hidup, pencapaian, kecekapan dan aspirasi (Harkness, 1997) manakala Sharf (2002) pula mendefinisikan kerjaya sebagai cara individu melihat diri mereka terhadap perkara yang dilakukan oleh mereka. Selain itu, pilihan kerjaya juga melibatkan proses mengimbangi minat dan juga bakat yang ada (Zunker, 2006).

Definisi Operasional

Pekerjaan yang ingin diceburi oleh remaja tersebut sama ada jurutera, peguam, guru dan sebagainya.

1.5.2 Genogram Kerjaya

Definisi Konseptual

Prosedur penilaian kualitatif yang digunakan untuk mendapatkan maklumat kerjaya. Merangkumi proses lakaran bidang kerjaya 3 generasi keluarga sebelum. (Gysbers, Heppner & Johnston, 2003).

Definisi Operasional

Latar belakang kerjaya datuk, nenek, ibu bapa, kakak dan abang

1.5.3 Remaja

Definisi Konseptual

Individu yang berada antara zaman kanak-kanak dan permulaan peringkat awal dewasa (Nairne, 2006)

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, remaja yang dipilih berumur dalam lingkungan 17-19 tahun.

1.5.4 Keluarga

Definisi Konseptual

Keluarga terdiri daripada 2 atau lebih individu yang tinggal bersama dan mempunyai pertalian darah, pengambilan anak angkat, atau perkahwinan (Broderick, 1993).

Definisi Operasional

Keluarga yang terlibat dalam lakaran genogram subjek kajian terdiri daripada nenek, datuk, ibu bapa dan abang dan kakak.

1.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang objektif utama yang mendorong pengkaji membuat kajian, persoalan kajian, definisi istilah, kepentingan serta limitasi kajian.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN TERPILIH

2.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang sorotan-sorotan kajian yang diperoleh oleh pengkaji bagi meningkatkan pemahaman pembaca terhadap bidang kajian. Sorotan kajian diperoleh daripada sumber-sumber seperti jurnal, buku, artikel dan lain-lain.

2.1 Genogram

Genogram kerjaya merupakan salah satu teknik yang diperkenalkan oleh Murray Bowen dan sering digunakan dalam kaunseling kerjaya. Kaedah ini telah digunakan dengan jayanya terhadap golongan dewasa dan penggunaannya dalam kaunseling kerjaya bersama kanak-kanak dari sekolah tadika, pelajar sekolah menengah sehingga remaja di sekolah tinggi agak terhad (Gibson, 2005). Kaedah genogram ini membantu membincang dan menilai corak kerjaya dalam keluarga individu tersebut. Kaedah ini juga mengumpul maklumat tentang pengaruh keluarga dalam membantu seseorang individu memperjelas keputusan kerjaya yang dibuat (Mallot & Magnuson, 2004). Genogram memberi gambaran tentang perkembangan kerjaya sesebuah keluarga daripada beberapa lapisan generasi dan keadaan ini ada kaitannya dengan peranan, tingkah laku serta sikap kaum keluarga tersebut. Selain itu juga genogram ini juga membantu bagaimana harapan serta penilaian sesebuah keluarga terhadap sesuatu bidang kerjaya.

Kaum keluarga berperanan penting dalam membantu perkembangan kerjaya dan interaksi bersama keluarga mempengaruhi motivasi individu tersebut. Prosedur dalam membina genogram ialah dengan memasukkan pekerjaan ibu bapa, adik-beradik, nenek dan datuk, pak cik dan mak cik dan individu-individu lain yang sifnifikan kepada individu dalam pemilihan kerjaya (Mallot & Magnuson, 2004).

Genogram kerjaya dapat membantu individu mengenal pasti pelbagai jenis pekerjaan dalam tempat yang berbeza, mengenal pasti kerjaya-kerjaya yang wujud dalam komuniti, perbezaan dalam pemilihan kerjaya, menerangkan kumpulan pekerjaan dan cara sesuatu kerjaya dipilih serta mengenal pasti bidang kerjaya serta kemahiran yang dimiliki oleh ahli keluarga mereka. Menurut Granello, Hothersall dan Oshome (2000), genogram juga diguna pakai dalam kaunseling keluarga dan menilai pengaruh sejarah latar belakang yang mempengaruhi bagaimana seseorang individu itu berfungsi pada masa sekarang.

Genogram memperlihat hierarki pekerjaan 3 generasi keluarga sebelum dan lebih mudah difahami oleh seseorang individu dan kaedah ini digunakan sebagai bantuan visual untuk melihat pengaruh keluarga dalam kerjaya individu itu tersebut. Kaedah ini juga antara lain akan mendedahkan individu kepada minat sebenar mereka, memberi pendedahan kepada bentuk pekerjaan tradisional atau tidak dan mengenal pasti peluang pendidikan yang ada untuk mencapai matlamat kerjaya. Persepsi individu itu terhadap pekerjaan yang diceburi oleh ahli keluarga mereka juga dapat dinilai menerusnya (Gibson, 2005).


Dalam kaunseling kerjaya, klien akan diperkenal dan diminta untuk melakar genogram untuk meningkatkan kefahaman terhadap pengaruh kerjaya. Genogram boleh digunakan dalam pelbagai konteks sama ada untuk memperlihat klien kepada pengaruh keluarga dalam kerjaya, menilai kesan latar

belakang keluarga dalam aktiviti sexual dan sebagainya. Kaedah ini juga merupakan satu alat yang membantu para kaunselor dalam memahami diri sendiri. Melalui genogram keluarga, pengaruh kerjaya seseorang, kepercayaan dan nilai-nilai boleh dikenal pasti oleh para kaunselor.



2.2 Genogram Kerjaya

2.2.1 Gambar rajah (dibina daripada perisian GenoPro 2007)


Contoh Genogram Kerjaya



2.2.2 Simbol-simbol dalam genogram



Kembar seiras



Kembar



Mati



Berkahwin

_____ Hubungan yang harmoni

- - - - - Hubungan yang jauh

. Tiada Perbezaan

2.2.3 Pembinaan genogram kerjaya (Diadaptasi daripada Gysbers, Heppner Johnston, 2003)

Langkah Pertama : Tujuan

Dalam pentadbiran genogram, klien akan dijelaskan dengan tujuan lakaran genogram. Teknik melakar genogram akan diterangkan.